

29 Januari 2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PROJEK NAIK TARAF JALAN JKR: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12-JAM DARI KAMPUNG BINJAI SEHINGGA JALAN TELUK KUMBAR PADA 3/2/2018.

- **Masa/Tarikh:** 9.00pagi – 9.00malam SABTU, 3/2/2018.
- **Menjejaskan:** 5,500 pengguna.
- **Sebab:** Lencongan saluran paip bekalan air untuk membolehkan “Projek Menaiktaraf Jalan P10 JKR dari Batu Maung sehingga Jalan Sultan Azlan Shah”.

PULAU PINANG, Isnin (29/1/2018): Projek menaik taraf jalan JKR yang dijalankan dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah memerlukan saluran paip air 600mm MS (paip keluli lembut) sedia ada di sepanjang Jalan Permatang Damar Laut dilencongan pada 3/2/2018.

Tiga (3) penyambungan paip utama dijadualkan di Jalan Permatang Damar Laut. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa “menutup” saluran paip bekalan air 600mm MS di kawasan itu.

Henti tugas saluran paip akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam, dan pengguna di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 9.00 pagi - 9.00 malam pada 3/2/2018:

1	Jalan Permatang Damar Laut	6	Kampung Seronok
2	Kawasan Masjid Jamek Kampung Binjai	7	Kawasan Masjid Kampung Seronok
3	Kampung Binjai	8	Kampung Baruh
4	Taman Sri Bayan Emas	9	Taman Sakura 28
5	Kampung Padang	10	Kampung Bukit

Sila rujuk peta pada 'Lampiran A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas:

Gangguan bekalan air berjadual ini akan melibatkan seramai 5,500 orang.

Bagaimanapun, bekalan air ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas tidak akan terjejas.

Harap maklum bahawa kerja pelencongan paip ini perlu untuk membolehkan projek JKR yang sedang dilaksanakan. Saluran paip bekalan air PBAPP mesti dilencongkan dengan selamat untuk mengelak kejadian tidak diingini dan memastikan bekalan air yang baik dan berterusan.

Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam hari Sabtu, 3/2/2018. PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

LAMPIRAN A

